

30 JUN 2000

ISA TERIMA KEPUTUSAN PRESIDEN PARTI

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata beliau menerima keputusan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak melantiknyanya semula sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Beliau berkata itu adalah hak Dr Mahathir, yang juga Perdana Menteri, sama ada untuk melantik semula beliau (Isa) atau menggantikannya dengan muka baru.

"Tak dilantik tak adalah, bukan ada masalah.

"Itu hak Presiden (Dr Mahathir), saya tak boleh nak kata apa," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai pengumuman pelantikan anggota MT hari ini, yang tidak termasuk beliau.

Beliau yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Sembilan berkata keputusan Dr Mahathir itu tidak akan menjejaskan hubungan beliau dengan timbalannya iaitu Datuk Khalid Yunus, yang dipilih menduduki kerusi MT pada pemilihan parti pada Mei lalu.

"Umno Negeri Sembilan akan berjalan seperti biasa, takkan keputusan macam itu Umno Negeri Sembilan tak berjalan, mesti berjalan," katanya.

Mohamed Isa dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar adalah dua menteri besar yang tidak dilantik semula sebagai anggota MT.

-- BERNAMA

NM RI